

02 MAY 1997

Mahathir-Malawi

ATURCARA YANG PADAT BAGI DR MAHATHIR DI MALAWI

Oleh: E.Sivabalan

BLANTYRE (MALAWI), 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi, di sini, hari ini, pada hari kedua lawatan rasmi beliau ke negara di selatan benua Afrika itu.

Perbincangan itu akan diadakan di Sanjika Palace, iaitu istana presiden Malawi pada lebih kurang 9.30 pagi (3.30 petang waktu Malaysia).

Dr Mahathir yang diringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba semalam di bandaraya komersil dan perindustrian ini yang terletak lebih kurang 300 km dari Lilongwe, ibunegara Malawi, bagi lawatan rasmi tiga hari.

Turut menyertai Perdana Menteri ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan delegasi perniagaan yang diketuai oleh pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim.

Dr Mahathir juga dijangka meletakkan batu asas Blantyre City Centre Hotel, iaitu sebuah projek bernilai RM70 juta hasil usahasama antara syarikat G-Two Holdings Berhad dari Malaysia dan Malawi Development Corporation.

Perdana Menteri kemudian akan bertolak ke Rancangan Perumahan Malabada di kawasan perbandaran Ndirande dekat sini yang mana beliau akan menyerahkan secara simbolik 100 unit rumah kos rendah kepada Dr Muluzi.

Skim perumahan itu merupakan sebahagian daripada projek bandar satelit bernilai RM3 bilion yang sedang dilaksanakan oleh G-Two Holdings.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir dan Dr Muluzi akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Blantyre diikuti dengan majlis makan tengah hari di Sanjika Palace.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian akan bertolak ke Mount Soche Hotel di sini, untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara G-Two Holdings dan kerajaan Malawi bagi pembinaan sebuah lebuh raya.

Ini diikuti dengan lawatan ke ibu pejabat Telekom Networks Limited di sini. Syarikat itu merupakan usahasama antara Telekom Malaysia Berhad dan Malawi Post and Telecommunication Corporation.

Dr Mahathir dijangka mengadakan persidangan berita pada 5.30 petang (11.30 malam waktu Malaysia) sebelum menghadiri jamuan makan malam yang diadakan oleh presiden Malawi.

Sementara itu, sebuah program berasingan telah disusun bagi Dr Siti Hasmah hari ini termasuk lawatan ke projek Wanita Luar Bandar Lirangwe Batik Group dan hospital Queen Elizabeth Central di sini.

-- BERNAMA

ES PR